

WARISAN

KDN 7890

ISSN 1511-8320

Bil. 23, 2000



PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

KANDUNGAN

- 2** Kata Alu-Aluan
Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad
- 4** Dari Meja Editor
Prof. Madya Norhalim Hj. Ibrahim
- 7** Sidang Pengarang
- 8** Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan 1999/2000
- 9** Ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan 1999/2000
- 9** Ahli Jawatankuasa Biro Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan 1999/2000
- 10** Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan-Kawasan 1999/2000
Kawasan Kuala Pilah.
Kawasan Port Dickson
Kawasan Tampin
Kawasan Jelebu
Kawasan Rembau
Kawasan Seremban
Kawasan Jempol
- 15** Penulisan Tentang Adat Perpatih: Satu Sorotan Awal
Aiani Sudeen
- 30** Kepimpinan Adat dalam Adat Lingkungan dan Adat Istiadat Istana
Noor Hayati Hj. Ibrahim
- 62** Adat Istiadat Melantik dan Menjemput Pulang Datuk Lembaga Luak Rembau
Tok Puteh Ramly Hj. Shamsudin

- 71** Adat Berkadim dalam Luak Jempol
Rahimi NS
- 85** Tragedi Sungai Lui
Jamaludin Samsudin dan Izhab Harun
- 92** Lintasan Sejarah Kerajaan Melayu Rembau:
Melalui Tempat dan Tinggalan Bersejarah
Norhalim Hj. Ibrahim
- 133** Kegiatan Orang Rawa di Negeri Sembilan: Satu Kajian Awal
Abd. Rahim bin Ismail
- 143** Mohd. Faridun bin Haji Jonid: Tokoh Guru Negeri Sembilan 1999
dan Datuk Mangkubumi Luak Rembau
Norzali Hj. Ibrahim
- 151** Marhaban! Marhaban!! Selamat Datang!!
Za'ba
- 153** Surat kepada Ketua Editor
Rahimi NS
- 154** Cakap Eden
Jamaludin Samsudin dan Aiani Sudeen
- 155** Hiasan kulit: Istana Ampang Tinggi
Norhalim Hj. Ibrahim
- 157** Jawapan Cakap Eden
- 158** Laporan Aktiviti Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan
Rembau 1999/2000
Norhalim Hj. Ibrahim
- 169** Nota kepada Penyumbang



DATO' SERI UTAMA TAN SRI
HAJI MOHD. ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD
SPNS., PSM., DSNS., PMC.
Menteri Besar Negeri Sembilan



Kata Alu-Aluan

Menteri Besar Negeri Sembilan
merangkap
Yang Dipertua
Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan

Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan kawasan-kawasannya secara tidak langsung telah menyahut seruan saya dalam "Kata Alu-Aluan" terbitan Warisan tahun lalu. Sepanjang tahun 1999 dan bahagian pertama tahun 2000, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, melalui aktiviti kawasan telah berjaya menemukan kesan baru dan memperbaiki kesan lama sejarah Negeri Sembilan. Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Jempol misalnya, dengan kerjasama Pejabat Daerah Jempol dan Exco Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri Sembilan telah berjaya mengenal pasti Jalan Penarikan. Begitu juga dengan Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Rembau dengan kerjasama Pejabat dan Majlis Daerah Rembau sedang merancang membaik pulih kawasan bersejarah seperti Kuala (Kota) Pedas dan Danau Sisik Emas untuk dijadikan kawasan rekreasi yang boleh menarik pelancong dari dalam dan luar negeri.

Di samping mengenal pasti dan membaik pulih tempat dan kesan bersejarah, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan melalui Kawasan juga semakin peka dengan aktiviti seni budaya yang semakin menghilang. Semua ini adalah hasil daripada kejayaan Tahun Melawat Negeri Sembilan 1999. Kepada semua ahli Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan Kawasan, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan berharap akan melipatgandakan usaha-usaha berkenaan.

Sehubungan dengan perkara di atas, **Warisan** terbitan ini selain artikel-artikel biasa, cuba mengutarakan dan mengenalkan semula beberapa aspek budaya Negeri Sembilan yang kurang diketahui masyarakat umum.

Dengan terbitnya artikel-artikel tersebut, masyarakat umum khususnya orang Negeri Sembilan faham dan kenal akan budaya sendiri. Pemahaman ini akan menjadikan generasi muda mempunyai jati diri dan beridentiti. Justeru itu ia boleh menjadi benteng kepada kemasukan anasir-anasir budaya negatif yang berleluasa sekarang. Masyarakat yang tidak jati diri akan mengalami kehancuran.

Warisan terbitan pertama alaf baru ini memperlihatkan perubahan. Pertama sekali bidang jurnal ini diperluaskan merangkumi segala yang boleh dianggap sebagai warisan Negeri Sembilan. Kedua, terbitan kali ini memuatkan senarai jawatankuasa kawasan. Dengan termaktubnya senarai ini maka kita mendokumentasikan sumbangan mereka kepada pergerakan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan juga Kawasan tempat mereka bergerak aktif. Tanpa kerjasama sukarela mereka, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan Kawasan tidak mungkin bergerak. Ketiga, terbitan kali ini memberikan laporan aktiviti Kawasan melalui gambar. Ini adalah juga satu usaha untuk mendokumentasikan aktiviti yang dijalankan, bukan sahaja kepada Persatuan tetapi juga bagi daerah atau kawasan berkenaan. Pendokumentasian aktiviti tersebut secara tidak langsung memberi tahu masyarakat awam bahawa Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dan Kawasan peka dalam pembangunan jati diri berdasarkan sejarah dan budaya.

Saya harap dalam keluaran yang akan datang setiap Kawasan akan melaporkan kegiatan masing-masing dalam **Warisan**.

Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah kepada Sidang Pengarah **Warisan** kerana berjaya menerbitkan jurnal kali ke-23. Kepada semua penulis yang memberi sumbangan dalam penerbitan kali ini, saya bagi pihak Sidang Pengarah dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan mengucapkan ribuan terima kasih dan berharap akan terus memberi sokongan dan sumbangan dalam terbitan-terbitan akan datang.


DATO' SERI UTAMA TAN SRI
HAJI MOHD. ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD

Dari Meja Editor

.....



Manusia Berbudaya Palsu

Antara budaya dan sejarah tidak ada garis pemisah. Sejarah membentuk budaya dan begitu sebaliknya: tanpa sejarah tiada budaya. Manusia yang melupakan sejarah bererti melupakan budayanya. Manusia tanpa sejarah dan budaya ialah manusia tidak beridentiti, tidak jati diri dan tidak berperibadi.

Kita mengenali seseorang itu orang Inggeris, Jepun atau apa sahaja bangsa seantero dunia melalui sejarah dan budaya atau dalam istilah tradisi Melayu, melalui adat yang diamalkannya. Kini kebanyakan manusia Melayu, mengakui diri berbudaya atau beradat Melayu tetapi pada hakikatnya mereka tidak kenal dan tidak faham tentang budaya atau adat yang kononnya mereka amalkan. Mereka tidak tahu mengapa sesuatu adat dan istiadat itu dilaksanakan, motif di belakangnya dan tujuan yang tersirat di sebaliknya. Justeru itu mereka tidak tahu lagi apakah budaya atau adat yang mereka amalkan itu budaya atau adat Melayu atau bukan? Mereka ini adalah individu Melayu palsu.

Individu Melayu palsu ini cuba berusaha menjadi units masyarakat yang tertonjol dalam masyarakat adat atau budayanya. Sekiranya beliau beradat, ketua adat misalnya atau apa sahaja kegiatan adat yang mereka lakukan, semata-mata kerana mahukan berimej (orang beradat). Mereka, setelah 'berjaya' mencapai kedudukan dan memperoleh imej yang konon bakal mengangkat darjatnya, tidak pernah ingin memperbaiki alam minda mereka untuk memperbaiki adatnya. Malahan tidak terarah memahami keluhuran yang bergaung di bawah

adatnya. Justeru itu, mereka tidak jujur dalam mengisi kedudukan dan imej yang mereka tagih dan kemudian mereka peroleh. Bahkan, imej, kedudukan dan ilmu pengetahuan secelet yang diperolehnya dimanipulasi menjadi alasan membenarkan amalan hidup yang jelas bertentangan dan aneh mengikut tradisi adatnya. Mereka inilah yang akan mensosialisasikan generasi muda Negeri Sembilan yang bakal menggantikan mereka dalam alaf baru ini.

Antara Artikel Terbitan Kali Ini

Menyedari hakikat ini, jurnal **Warisan** terbitan pertama alaf baru ini memaparkan beberapa aspek adat atau budaya Adat Perpatih untuk tatapan dan penghayatan para pembaca. Artikel-artikel ini ialah hasil penggalian beberapa orang anak watan Negeri Sembilan yang masih sayang adatnya walaupun mereka tidak berimej 'orang beradat'. Diharap dengan adanya paparan sebegini, masyarakat khususnya para pembaca akan lebih mengenali budaya atau adat Melayu Negeri Sembilan dan sekali gus mengurangkan pencemehan tentangnya.

Warisan terbitan kali ini juga menerbitkan kata alu-aluan Tan Sri Dr. Pendeta Hj. Zainal Abidin b. Hj. Ahmad atau lebih terkenal dengan Za'ba. Kepada pengkaji Za'ba, artikel ini dapat memberi sedikit sumbangan tentang zaman persekolahan beliau di Sekolah Melayu Batu Kikir dalam tahun 1907. Artikel ini juga boleh menambah pengisian Teratak Za'ba apabila teratak ini siap nanti.

Satu lagi kelainan **Warisan** terbitan ini ialah ruangan surat daripada pembaca. Ruangan ini dimulakan oleh Rahimi NS sebagai memberi maklum kepada umum tentang akan terbitnya kamus kosa kata dialek Negeri Sembilan. Surat ini berpunca daripada artikel Jamaludin Samsudin dalam **Warisan** 22, 1999.

Warisan terbitan kali ini juga memberi laluan kepada Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan untuk melaporkan aktiviti tahunan mereka. Untuk kali ini, Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Rembau telah menyumbangkan aktivitinya untuk tatapan dan sumbang saran kepada kawasan-kawasan lain. Sidang redaksi berharap ruangan laporan kawasan ini akan berterusan dalam setiap penerbitan **Warisan** yang akan datang. Dengan demikian, tercapailah cita-cita **Warisan**

selain menjadi arena akademik, sejarah dan budaya Negeri Sembilan juga menjadi lidah kepada aktiviti Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan dan Kawasan Negeri Sembilan.

Nampaknya seruan daripada meja Pengarang Warisan 22, 1999 menjemput para penulis keturunan Cina dan India memberikan sumbangan tidak mendapat sambutan. Namun, sidang pengarang tidak berputus asa dan berharap mereka akan terpenggil untuk memberikan sumbangan dalam Warisan 24 nanti.

Terima Kasih

Akhir sekali, saya bagi pihak sidang redaksi jurnal Warisan dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan (PSMCNS) ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Yang Dipertua PSMCNS atas motivasi dan sokongan yang beliau berikan. Tanpa galakan dan cabaran yang berpunca daripada minat dan kecintaan beliau terhadap sejarah dan budaya Negeri Sembilan berkemungkinan besar jurnal Warisan ini akan menjadi bahan warisan pula.

Sidang redaksi juga mengucapkan terima kasih kepada setiap penulis yang menyumbangkan artikel untuk terbitan kali ini.

Kepada para editor saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga atas kesudian mereka secara sukarela meluangkan masa, tenaga dan memerah otak membaca, meneliti dan memperbaiki; diikuti pula dengan mengedit dan membaca pruf pertama dan kedua terbitan ini. Kepada pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak, terima kasih juga saya ucapkan.



*NORHALIM HJ. IBRAHIM

Sidang Pengarang

Ketua Editor

Prof. Madya Norhalim Hj. Ibrahim

Editor

Aiani binti Sudeen

Jamaludin bin Samsudin

© Hakcipta: Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Negeri Sembilan

Warisan ialah jurnal keluaran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

Makalah-makalah yang diterbitkan dalam *Warisan* bukan semestinya pendapat Ketua Editor atau Editor jurnal ini. Editor bertanggungjawab membuat pemilihan kepada kandungan *Warisan* dan berhak menolak makalah-makalah yang dirasakan tidak layak diterbitkan. Pendapat-pendapat yang dikemukakan serta ketepatan fakta-fakta yang diterbitkan dalam makalah adalah merupakan tanggungjawab penulis sendiri.

Sumbangan makalah daripada para ilmuan, budayawan, peminat sejarah dan budaya Negeri Sembilan hendaklah mengikut garis panduan yang diberikan dalam ruang "Nota kepada Penyumbang" yang diterbitkan dalam setiap isu *Warisan*. Segala surat menyurat dan sumbangan makalah hendaklah dialamatkan kepada :

Ketua Editor
Jurnal Warisan
Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Negeri Sembilan
498 Lorong Margosa 16/2
Margosa Height
70400 Seremban.

Dicetak oleh:
World Machine Trading
101 Jalan Dato' Bandar Tunggal
70000 Seremban.

**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
1999 - 2000**

Yang Di Pertua

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama
Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad
SPNS., PSM., DSNS., PMC.
Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus

Naib Yang Di Pertua

Dato' Haji Sudin bin Kamari
Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus
(hingga Oktober 1999)

Tuan Haji Khusaini bin Haji Hasbullah
Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
(mulai Oktober 1999)

- Setiausaha Kehormat*** : Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi
- Pen. Setiausaha Kehormat*** : Tuan Haji Mahadi bin Abdul Rahman
- Bendahari Kehormat*** : Encik Tilak Raj Sharma
- Pen. Bendahari Kehormat*** : Tuan Haji Mohd. Misan bin Mastor
- Pengarang Kehormat*** : Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
- Ahli Jawatankuasa*** : YB. Tn. Haji Sainy bin Edris
Tn. Hj. Mohd. Zahidin bin Haji Sidek
Tn. Haji Ismail bin Adnan
Tn. Hj. Mohd. Yusof bin Othman
En. Ibrahim bin Abdul Rahman
- Pemeriksa Kira-Kira*** : Tuan Haji Mohd. Jan bin Othman
Encik R. Pachappan a/l Rajagopal

JAWATANKUASA KERJA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 1999/2000

Pengerusi

Dato' Haji Sudin bin Kamari
(Hingga Oktober 1999)

Tuan Haji Khusaini bin Haji Hasbullah
(Mulai Oktober 1999)

- Setiausaha** : Tn. Haji Ismail bin Abdul Hadi
- Penolong Setiausaha** : Tn. Haji Mahadi bin Abdul Rahman
- Bendahari** : Encik Tilak Raj Sharma
- Penolong Bendahari** : Tuan Haji Mohd. Misan bin Mastor
- Ahli Jawatankuasa** : YB. Tn. Haji Sainy bin Edris
Tn. Hj. Mohd. Zahidin bin Haji Sidek
Tn. Haji Ismail bin Adnan
Tn. Hj. Mohd. Yusof bin Othman
En. Ibrahim bin Abdul Rahman
Ustaz Sayuti bin Mamat
Tn. Haji Mohd. Taib bin Hussin
Tn. Haji Mazlan bin Borhan
Tn. Haji Mohd. Jan bin Othman
Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
Wakil Muzium Negeri
Wakil Maktab Perguruan Raja Melewar
Wakil Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
- Ketua-Ketua Biro**
- Penerbitan** : Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
- Lawatan** : YB. Tn. Haji Sainy bin Edris
- Ceramah/Seminar** : Tn. Haji Ismail bin Adnan
- Pertandingan** : Tn. Haji Zahidin bin Haji Sidek
- Koleksi/Rakaman** : Encik Ibrahim bin Abdul Rahman
- Kewangan** : Encik Tilak Raj Sharma
- Buletin "Dari Jendela"** : Tn. Haji Mohd. Misan bin Mastor

**JAWATANKUASA KAWASAN-KAWASAN
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

KAWASAN KUALA PILAH

Yang Dipertua	: Tn. Haji Mazlan bin Borhan
Naib Yang Dipertua	: Alias bin Abdul Ghani
Setiausaha Kehormat	: Mohd. Noor bin Abdul Ghani
Pen. Setiausaha Kehormat	: Rokiah bte. Yusof
Bendahari Kehormat	: Tan Lye Kiat
Ahli Jawatankuasa	: Alias bin Tijad
	Salma bin Mustapa
	Sabariah bte. Shukur
	Abd. Latif bin Idrus
	Tn. Haji Annuar bin Yaacob
	Abdul Rahman bin Ismail
	Zainal bin Adam
	Lee Chin Siong
	Chan Meng Chai
	Pn. Hajjah Rohayati binti Abdullah
	Zakaria bin Sulaiman
	M. Sokanathan
	Zakiah
Pemeriksa Kira-kira	: Maspan bin Mat Ubin
	Yaakob bin Salleh

KAWASAN PORT DICKSON

Penaung	: YB. Tuan Haji Sainy bin Edris
Yang Dipertua	: Malik bin Sohor
Naib Yang Dipertua	: Tn. Haji Kamarudin bin A. Hassan
Setiausaha Kehormat	: Abd. Rahim bin Ismail
Pen. Setiausaha Kehormat	: Azmi bin Ayob
Bendahari Kehormat	: Rusiah binti Jalil
Ahli Jawatankuasa	: Hassan bin Hamzah Awalludin bin Abu Hassan Azmi bin Mohammad Abd. Razak bin Ibrahim Muzahar bin A. Samad Kuttappan Zaharah binti M. Nadzir Toh Hong Su Zakaria bin Mohamad P. Kandasamy
Pemeriksa Kira-Kira	: Shamsuddeen bin Abd. Aziz Yeo Ing Kiat

KAWASAN TAMPIN

Yang Dipertua	: Tn. Haji Ismail bin Adnan
Naib Yang Dipertua	: Kamarudin bin Udin
Setiausaha Kehormat	: Pn. Hajjah Esah binti Jantan
Pen. Setiausaha Kehormat	: Tn. Haji Mohd. Isa bin Haji Wahab
Bendahari Kehormat	: Tn. Haji Ibrahim bin Yon
Ahli Jawatankuasa	: Mohd. Kadzri bin Haji Ibrahim Nordin bin Mohd. Nor Rokiah binti Kamaruddin

Pemeriksa Kira-Kira

Mohd. Jaafar bin Kassim
Mohd. Farid bin Haji Mohd. Yatim
Abara bin Ahmad Munir
Vickraman
Tn. Haji Azam bin Md. Atan
Nordin bin Sulaiman
Kassim bin Ahmad
: Tn. Haji Hussin bin Hassan Jabal
Maspan bin Ubin

KAWASAN JELEBU

Penaung

: Yang Teramat Mulia Dato' Mendika
Menteri Akhirulzaman Dato' Haji
Musa bin Wahab

Yang Dipertua

: Tn. Haji Mohd. Jan bin Othman

Naib Yang Dipertua

: Zakaria bin Arshad

Setiausaha Kehormat

: Tn. Haji Ibrahim bin Che' Mat

Pen. Setiausaha Kehormat

: Idris bin Haji Ludin

Bendahari Kehormat

: Tn. Haji Syed Loed bin Syed Yusof

Ahli Jawatankuasa

: Mohd. Amir bin Mohd. Baki

Jamali bin Salam

Baharom bin Mohd. Amin

Tn. Haji Husein bin Rashid

Samsudin bin Hamidan

Haliza binti Yusof

Mohd. Razali bin Abdul Rahman

Zainab binti Idris

Pemeriksa Kira-Kira

: Razak bin Junus

Tn. Haji Zainal Abidin bin Hj. Ahmad

KAWASAN REMBAU

Penaung	: Yang Teramat Mulia Dato' Lela Maharaja Dato' Mohd. Sharip bin Haji Othman
Yang Dipertua	: Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
Naib Yang Dipertua	: Tn. Haji Mohd. Faiz b. Hj. Burhanuddin
Setiausaha Kehormat	: Mohamad bin Haji Amoi
Pen. Setiausaha Kehormat	: Norzali bin Haji Ibrahim
Bendahari Kehormat	: Dato' Haji Nordin bin Awal
Ahli Jawatankuasa	: Datuk Purba Yahya bin Abdul Ghani Tok Putih Ramly bin Hj. Shamsuddin Tn. Haji Zainudin bin Alias Hamzah bin Majid Tn. Haji Abdul Aziz bin Haji Ahmad Taha bin Mohideen Aiani binti Sudeen
Pemeriksa Kira-kira	: Nordin bin Baharom

KAWASAN SEREMBAN

Yang Dipertua	: Tn. Haji Mohd. Taib bin Hussin
Naib Yang Dipertua	: Latifah binti Mohd. Rashid
Setiausaha Kehormat	: Zainab binti Yacob
Pen. Setiausaha Kehormat	: Sadariah binti Md. Jali
Bendahari Kehormat	: Norlia binti Abd. Karim
Pen. Bendaharai Kehormat	: Siti Zaharah binti Abd. Hamid
Ahli Jawatankuasa	: Azahar bin Jamaludin Kong Sang Junaidah binti Ibrahim

	Azimi bin Abdul Rahman
	Chai Lai Ching
	T. Thanemothy
Pemeriksa Kira-Kira	: R. Mugundan
	Rahimah binti Ibrahim

KAWASAN JEMPOL

Penaung	: YB. Dato' Haji Lilah binti Haji Yasin
Penasihat	: Tn. Haji Ujang bin Taha
	Shahidan bin Mokhtar
	Sayuti bin Mamat
	Prof. Madya Norhalim bin Hj. Ibrahim
Yang Dipertua	: Tn. Haji Kamaruddin bin Ibrahim
Naib Yang Dipertua	: Robiah binti Hamid
Setiausaha Kehormat	: Mohd. Amirudin bin Yaman
Pen. Setiausaha Kehormat	: Abd. Aziz bin Otman
Bendahari Kehormat	: Rohana binti Mohd. Yusof
Ahli Jawatankuasa	: Amir Sharifudin bin Ahmad
	Tn. Haji Kahar bin Kasim
	Mohan Singh
	Zainal Abidin bin Idris
	Jamaludin bin Samsudin
	Salim bin Sarif
	Rosidah binti Abd. Rahman
Pemeriksa Kira-Kira	: Tn. Haji Hadi bin Abdul Ghani
	Elmy Azizan bin Abdul Aziz

LINTASAN SEJARAH KERAJAAN MELAYU REMBAU: MELALUI TEMPAT DAN TINGGALAN BERSEJARAH

Susunan: Norhalim Hj. Ibrahim

Pendahuluan

Menurut Khoo Kay Kim Negeri Sembilan sepatutnya bernama Rembau (Yassin, 1996:25). Kini Rembau hanya sebuah daerah kecil, malahan yang terkecil dalam Negeri Sembilan. Dalam pensejarahan negeri-negeri Melayu, Rembau adalah sebuah kerajaan kecil yang agak tua di Semenanjung Tanah Melayu. Sebagai sebuah kerajaan berdaulat dan merdeka, Rembau untuk lebih satu abad gigih menentang sebarang bentuk penjajahan baik oleh kerajaan-kerajaan besar Melayu mahupun kuasa barat. Sikap tidak berkompromi serta 'degil' menyebabkan kerajaan Rembau disegani dan digeruni oleh kawan dan lawan. Sebagai contoh, beberapa bulan sebelum mengambil alih Melaka dari Belanda dalam tahun 1795, Inggeris terlebih dahulu cuba menjalin persahabatan dengan kerajaan Rembau (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:176). Tindakan sedemikian tidak dilakukan oleh Inggeris dengan negeri-negeri Melayu yang lain.

Sebagai sebuah kerajaan, pensejarahan Rembau telah melalui tiga peringkat iaitu:

1. Zaman kebangkitan (abad ke-12 hingga 1540)
2. Zaman keagungan (1540 hingga 1832)
3. Zaman kejatuhan (1832 hingga 1898)

Zaman Kebangkitan

Sejarah awal kerajaan Melayu Rembau ialah zaman gelap. Rembau tidak mempunyai *magnum-opus* pensejarahan seperti Melaka yang

mempunyai buku *Sejarah Melayu* (dikenali juga dengan judul *Sulatu-l-Salatin*. (Peraturan Segala Raja-raja); kitab *Nagarakartagama* bagi Majapahit. Rembau juga tidak meninggalkan sebarang batu bersurat seperti beberapa tempat di Sumatera yang boleh dijadikan panduan dalam penulisan sejarah awalnya. Namun, Rembau masih bernasib baik kerana mempunyai sebuah terombo yang dikenali sebagai 'Terombo Waris Tebat' atau 'Undang Melayu Adat Negeri'.

Terombo Waris Tebat tidak sehebat *Sejarah Melayu* tetapi dapat memberikan bayangan tentang sejarah awal Rembau.

Abad 12

Bila wilayah Rembau diteroka oleh anak-anak watan tidak dapat dipastikan dengan jelas. Namun, menjelang akhir abad ke-12 hingga pertengahan abad ke-13, Rembau telah didiami oleh orang Melayu-Proto yang dikenali sebagai Suku Jakun atau 'Rakyat Utan' (Newbold, 1834:255; 1839:77), atau 'Orang Melayu Jinak' (Miklucho-Maclay, 1878:211) atau 'Orang Temuan' (Cave, 1989:2). Kehadiran mereka ini selari dengan pandangan terasul yang berbunyi:

Gagak hitam gagak senoi,
Turun dari bukit berkaki empat.

Orang-orang Jakun dalam abad-abad awal ini telah mempunyai satu sistem hidup. Mereka tinggal dalam perkampungan kecil dan berselerak di sepanjang tebing sungai terutamanya Sungai Penajih dan Sungai Merbuk. Mereka telah mempunyai rumah yang mengandungi satu bilik dan bertiang tinggi (Cole, 1945:114). Mereka diketuai oleh seorang pemimpin yang hingga kini bergelar batin. Dalam mentadbirkan negeri, beliau dibantu oleh tiga orang pembesar iaitu Tok Menghitam, Tok Jekerah dan Tok Menteri (Norhalim Hj. Ibrahim dan Aiani Sudeen, 1999:70-71). Dari segi sistem sosial pula, orang Jakun ini mengamalkan satu sistem adat yang dikenali sebagai 'Adat Benar' (Baharon Azhar, 1974). Adat ini mempunyai ciri-ciri yang membuktikan bahawa dari segi ideologi ialah sistem nasab ibu atau sistem matrilineal.

Mengikut cerita lisan, Rembau (Perabu) telah dibuka oleh sekumpulan orang puak Jakun yang diketuai oleh Tok Batin Pak Tinggam. Kawasan

yang dikuasai beliau ialah Merbuk Kerawang, Lebah Bergoyang, Buluh Bongkal, Langkap Berjuntai, Subang Hilang, Tunggul Sijaga, Ching, Jeram dan Beranang (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:33).

Rembau awal bernama **Perabu**, satu istilah bahasa Sanskrit-Jawa bererti: daulat, yang dipertuan, anak raja (Wilkinson, 1955:882).

Kedatangan orang Sumatera ke Semenanjung telah bermula apabila Temasik dibuka pada akhir abad ke-11 dan awal abad ke-12 (Marsden, 1811[1966]:333; Wolter, 1970:2). Mereka ialah pengikut Sri Tri Buana. Dengan menggunakan Temasik dan juga Hujungmedini (Johor) sebagai pengkalan, sebahagian orang Sumatera itu telah pula merantau dengan tujuan mencari bahan-bahan dagangan ke bahagian tengah Semenanjung terutama di Kelang dan Sang Hyang Hujung (kawasan Tanjung Tuan dan kuala/muara Sungai Linggi sekarang). Di samping perantau dari Temasik pada akhir abad ini juga, orang Siak keturunan orang Minangkabau juga tiba di lembah Sungai Linggi/Rembau (Newbold, 1843:252; 1839, 11:77). (Lihat Lampiran/Peta 1-2).

Abad 13

± 1260

1. Migrasi yang agak besar tiba di Rembau (Favre, 1849:155). Kebanyakannya datang dari Siak dan terdiri daripada generasi kedua dan ketiga pelarian Minangkabau.
2. Penghijrahan dalam kumpulan kecil berterusan.

Abad 14

± 1388

1. Kedatangan perantau yang agak besar bilangannya (Parr dan Mackray, 1910:2)
2. Penghijrahan dalam kumpulan kecil berterusan.

- Pola penghijrahan dalam abad-abad ini bersifat sementara.
- Petempatan mereka di Rembau pula sementara-kekal. Ini bermaksud kawasan penerokaan mereka kekal, tetapi pengusaha-cum-penghuni bersifat sementara. 'Penduduk' akan balik ke negeri asal (Siak), dan

kawasan penerokaan mereka didiami oleh peneroka baru yang tiba mengikut musim angin. Pola ini berterusan dari musim ke musim angin.

- Penghijrah terdiri daripada petani dan petani-*cum*-pedagang.
- Mereka memperkenalkan tanaman padi sawah (Chung, 1969).
- Orang Asli suku Jakun, dengan kedatangan perantau ini terpecah dua:
 - i Kumpulan yang menerima kedatangan penghijrah telah tinggal berhampiran atau bersama mereka;
 - ii Orang Jakun yang tidak dapat menyesuaikan diri telah berundur ke dalam hutan (Newbold, 1834:253, 1839 II:780).
- Antara perantau dan Orang Asli yang dapat menyesuaikan diri berlaku *modus vivendi* (aturcara tolak ansur) sama ada melalui asimilasi atau/ dan akomodasi (Shamsul Amri Baharudin 1994:169).

Abad 15

± 1490-an

Pembesar adat pertama, Datuk Leteh datang dari Siak. Beliau menetap di perkampungan Orang Asli di Kampung Relong yang juga menjadi tempat tinggal Batin Sekudai.

± 1497

Datuk Bungkal binti Batin Sekudai dilahirkan di Kampng Relong dan diambil sebagai anak angkat oleh Datuk Leteh.

Abad 16

± 1500

Datuk Leteh dan Batin Sekudai pindah ke Kampung Kebun Lada (Kampung Lada sekarang).

± 1501

1. Batin Sekudai dan keluarganya melainkan Datuk Bungkal pindah ke Siliau.
2. Datuk Leteh dilantik oleh Batin Sekudai sebagai '*pentadbir*' Rembau.

± 1502

1. Batin Pak Nilu (ipar Batin Sekudai) membuka Hutan Gombira (Gomorah) di kawasan Kampung Kota sekarang, untuk dijadikan perkampungan bagi Datuk Bungkal. Hasilnya wujud dua buah kampung:
 - a) Kampung Gombira yang dijadikan tempat tinggal oleh Batin Pak Nilu.
 - b) Kampung Paya Merbau iaitu kawasan yang berhampiran dengan pokok merbau.
2. Batin Ceba (ayah Batin Pak Nilu dan bapa mertua Batin Sekudai) turun dari Rasah membantu menebang pokok merbau. Beliau tinggal di Kampung Paya Merbau.
3. Pokok merbau berjaya ditebang. Tidak lama selepas itu Batin Ceba meninggal dunia dan dikebumikan di Kampung Gombira.
4. Nama Perabu ditukar kepada **Merbau Tua** (ada juga menyatakan **Merbau Tua Buah**).

± 1504

1. Datuk Leteh dan Datuk Bungkal pindah ke Kampung Gombira.
2. Datuk Bungkal menukar nama Kampung Gombira kepada Kampung Kotor (Kampung Kota Lama sekarang).

1514

Portugis mendirikan kubu di Kuala Penajuh (Kuala Linggi sekarang).

1515/16

1. Datuk Lela Balang dan orang-orangnya sampai di Kampung Gombira.
2. Datuk Laut Dalam membuka Kampung Padang Lekok.
3. Datuk Lela Balang berkahwin dengan Datuk Bungkal.

1516/17

Si Rama bin Datuk Lela Balang lahir di Kampung Kotor.

1519/20

Kedatangan empat orang pembesar adat dan membuka perkampungan di Rembau Darat: Datuk Budi (Kampung Batu Hampar), Datuk Laut (Kampung Sungai Layang), Datuk Baginda (Kampung Bintungan) dan Datuk Putih (Kampung Lubuk Rusa-Selemak).

1520-an

1. Penubuhan *Perikatan Lembaga nan Lima* atau *Berlima ke Hulu* di Rembau Darat dan pakatan *Ikatan Bersembilan Suku ke Hilir* atau *Bersembilan ke Hilir* di Rembau Darat.
2. Kedua-dua persetiaan ini diikrarkan di Masjid Kampung Selemak.

1524/25

Siti Hawa binti Datuk Laut Dalam dilahirkan di Kampung Padang Lekok.

1539/40

Datuk Lela Balang dianugerahkan gelaran **Datuk Gempa Maharaja** dan Datuk Laut Dalam gelaran **Datuk Merah (Marah) Bangsa** (atau *Datuk Merbangsa*) oleh Sultan Alauddin Riayat Shah (1527/28-1564), Sultan Johor.

1540

1. Si Rama bin Datuk Lela Balang @ Datuk Gempa Maharaja dikerjankan sebagai Penghulu Rembau (sekarang Undang) pertama di Kampung Kotor.
2. Datuk Lela Maharaja Si Rama berkahwin dengan Siti Hawa binti Datuk Laut Dalam @ Datuk Merah Bangsa di Kampung Padang Lekok.
3. Penubuhan *Lembaga Tiang Balai Yang Empat Di Baruh*.
4. Nama Kampung Kotor ditukar kepada **Kampung Kota**. Istilah *kota* pada nama kampung ini merujuk tingkat perkembangan sesebuah wilayah atau petempatan mengikut proses metamorfosis pembangunan negeri mengikut konsep dan falsafah Minangkabau (lihat Rajah 1 di bawah).

Rajah 1

Pembangunan Awal Kerajaan Melayu Rembau

Perubahan Nama	Proses Perkembangan/Perbilangan	Tarikh berlaku
Perabu	<i>Teratak mula dibuek</i>	Abad ke-12
	<i>Sudah teratak menjadi kampung</i>	Tahun 1260
	<i>Sudah kampung menjadi dusun</i>	Tahun 1388
Merbau Tua	<i>Sudah dusun menjadi kota</i>	Tahun 1520-an
Rembau	<i>Sudah kota menjadi negeri.</i>	Tahun 1540

1586

1. Rembau sebagai sebuah kerajaan membantu Johor menyerang Portugis di Melaka. Rembau berjaya menawan tebing Sungai Melaka dan menyekat lalu lintas bahan makanan masuk ke bandar Melaka.
2. Rembau diserang Portugis bawah pimpinan d'Azambuja. Pertempuran berlaku di sempadan Rembau-Naning.

- Pensejarahan penubuhan kerajaan Rembau seperti disenaraikan secara kronologi di atas (dari abad ke-12 hingga tahun 1540) bersesuaian dengan proses metamorfosis pembukaan sesebuah negeri oleh orang Minangkabau dan keturunannya di rantau (Kato, 1982:75-78; Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:50-51). Proses ini jelas diperbilangkan seperti dalam Rajah 1 di atas dengan perubahan nama Rembau dan tarikh perkembangan politiknya:

Zaman Keagungan

Mulai tahun 1540, dengan wujudnya institusi penghulu (sekarang undang) dan lembaga tiang balai, kerajaan Rembau berkembang dan membangun. Jumlah penduduk meningkat. Selain pertambahan semula jadi, kumpulan-kumpulan penghijrah baru turut membantu pertambahan penduduk. Misalnya dalam tahun:

1. 1622 sekumpulan penghijrah di bawah pimpinan Tunku Besar Raja Bujang telah membuka petempatan di Penajis, Ulu Sepri.

2. 1649 sekumpulan ahli suku Semelenggang dari Sungai Ujong telah membuka Kampung Tanjung Sena, dan
3. 1650-an sekumpulan orang suku Biduanda di bawah pimpinan Datuk Gindai Lautan telah membuat petempatan di bahagian Rembau Darat.
4. Penghijrahan seperti ini berterusan sehingga abad 20.

Dari segi ekonomi pula Rembau telah terlibat secara aktif dalam perdagangan di Selat Melaka, khususnya di Kota Melaka. Komoditi yang dieksport dari Rembau antara lain ialah beras, lada, buah-buahan segar (bermusim), sayur-sayuran, kapur barus, jernang, sirih, damar, getah dan minyak pokok dan bijih timah.

Dalam aspek ekonomi ini dua perkara perlu diutarakan:

1. Petani Rembau adalah yang **pertama menjalankan aktiviti bersawah atau menanam padi basah** bagi wilayah selatan Semenanjung (Chung, 1969).
2. Rembau juga mengeksport bijih timah yang agak besar. Misalnya jumlah eksport dalam tahun 1787 ialah 120 tan. Jumlah ini pernah mencapai 200 tan; kemudian merosot kepada 40 tan dalam tahun 1808 (Jackson, 1961:30-31).

Oleh sebab terlibat langsung dalam aktiviti ekonomi antarabangsa, Rembau sama ada secara langsung atau tidak juga terjerumus dalam kancah politik di Selat Melaka. Sejak kedatangan penjajah barat, kerajaan Rembau tidak takut dan sentiasa berkonfrantasi dengan mereka. Di bawah disenaraikan beberapa peristiwa penentangan kerajaan Rembau terhadap kuasa Belanda.

Abad 17

Menjelang awal abad ke-17, kerajaan Rembau telah dikenali oleh timur dan barat. Berdasarkan peta lakar d'Eredia yang dilukis pada tahun 1613, Rembau yang dinamakan *Rombo* menjadi pusat kerajaan yang dituliskan sebagai *Regiam de Monancabos* (lihat Peta 3 dan 4). Kehadiran peta ini dengan jelas membuktikan bahawa pada awal ke-17 kerajaan Melayu Rembau telah kuat dan kukuh serta diakui kedaulatannya oleh kuasa barat terkuat di Nusantara pada ketika itu iaitu Portugis. Secara tidak langsung

peta ini juga membuktikan bahawa persekutuan Negeri Sembilan seperti yang kita kenali sekarang belum wujud. Yang beridentiti pada ketika itu ialah Rembau. Dengan demikian, apa yang dikatakan Negeri Sembilan itu ialah Rembau seperti yang termaktub secara rasmi dalam perjanjian bulan Mac 1646 yang menggunakan nama ***Rembau dan Negerinya Yang Sembilan*** (lihat catatan dibawah).

1640 (September-Oktober):

Rembau menghantar sebanyak 800 orang tentera untuk bersama tentera Johor-Belanda menyerang Portugis di Melaka.

1642 (Januari-April):

Rembau berkonflik dengan Belanda tentang laluan perdagangan di Sungai Penajuh.

1644 (Januari-Februari):

Berperang dengan Belanda:

- a. Di kawasan balai penghulu mengakibatkan Kapten Forsenburg dan Syahbandar Menie dan enam orang soldadu Belanda terbunuh.
- b. Gabenor Belanda di Melaka, van Vliet yang ingin membalas dendam atas kematian pegawai dan tentera Belanda telah menyerang Rembau. Pertempuran berlaku di sempadan Rembau-Naning. Belanda dapat dikalahkan; dan Rembau mendapat harta rampas berupa wang sejumlah 13,000 rial.

1646 (Mac):

Rembau berada di puncak keagungannya dengan pengiktirafan rasmi sebagai: ***Rembau dan negerinya yang sembilan*** oleh kerajaan Belanda melalui perjanjian persahabatan. Perjanjian ini merupakan dokumen pertama menggunakan istilah **Negeri Sembilan**. Secara tidak langsung dokumen ini juga menunjukkan Belanda mengakui bahawa **Rembau adalah pusat pentadbiran, politik, sosial dan budaya Negeri Sembilan awal**.

1678 (Mac - Jun):

Dengan kekuatan tentera 3,770 orang di bawah pimpinan Raja Ibrahim, Rembau menyerang Melaka dan menawan beberapa kawasan pinggir di utara bandar Melaka.

Abad 18**1706**

Rembau memberontak terhadap kerajaan Johor; tetapi dapat dipatahkan.

1715 dan 1718

Rembau membantu Johor memerangi Bugis di Kuala Linggi; dan mempertahankan Selangor daripada serangan Bugis.

1721/22

Raja Melewar (sebagai lambang *keadilan* dalam sistem pemerintahan Adat Perpatih) ditabalkan di Penajuh.

1756-1761

Rembau dijadikan tempat pelarian dan perkampungan sementara oleh Daing-daing Bugis dan keluarga mereka.

Zaman Kejatuhan

Selama lebih kurang 295 tahun (1540-1832) kerajaan Rembau telah wujud sebagai sebuah kerajaan berdaulat dan merdeka. Kekuatan kerajaan Rembau yang menyebabkan kerajaan besar Melayu dan kerajaan barat menghormatinya terletak pada sistem sosiopolitiknya yang ditunjangi oleh sistem Adat Perpatih. Sistem ini menegaskan kepada semua golongan, baik pemerintah, pembesar ataupun rakyat jelata (anak buah) supaya mematuhi konsep dan falsafah seperti yang termaktub dalam perbilangan; antara lain berbunyi:

Adat bersaudara, saudara dipertahankan
Adat berkampung, kampung dipertahankan
Adat bernegeri, negeri dipertahankan
Adat berbangsa, bangsa dipertahankan.

Duduk sama rendah
Berdiri sama tinggi.

Seberat seringan
Seada setidak.

Berat sama dipikul
Ringan sama dijinjing
Bukit sama didaki
Lurah sama dituruni
Hati gajah sama dilapah
Hati kuman sama dicecah.
Ada sama dimakan
Tak ada sama dicari.
Dapat sama laba
Rugi sama merasa.
Senang sama senang
Susah sama susah.

Seciap umpama ayam
Sedencing umpama besi
Sesusun bak sirih
Serimbun bak serai

Seharta sebenda
Sependan seperkuburan
Sehina semalu
Malu seorang, malu semua:
Tertelungkup sama makan tanah
Terlentang sama minum embun;
dan seterusnya.

Perbilangan di atas dalam konsep moden bersemangatkan bersatu teguh bercerai roboh atau dalam bidalan Inggeris *all for one, one for all*. Dari segi perintah pula Rembau membawa konsep dan falsafah kerajaan rakyat kerana rakyat dan untuk rakyat iaitu konsep yang hanya diterima pakai oleh kerajaan Amerika Syarikat dalam abad ke-18. Sedangkan kerajaan Rembau telah mengamalkannya sejak abad ke-16.

Selanjutnya falsafah adat ini memberi amaran:

Binasa pendeta dek meninggalkan amalannya,
 Binasa orang muda dek fasiknya,
 Binasa perempuan dek meninggalkan malunya,
 Binasa penghulu dek memakai kata nan salah,
 Binasa raja dek meninggalkan keadilannya,
 Binasa negeri dek meninggalkan adatnya.

Konsep dan semangat yang diperingatkan oleh perbilangan di atas ini telah dirobohkan atas kesilapan pembesar Rembau sudi melantik Syed Shaaban, seorang 'bukan orang adat'. Beliau yang dilantik menjadi Yamtuan Muda Rembau ke-3 dalam tahun 1832, ialah orang yang telah 'menjualkan' kerajaan Naning (sekutu kerajaan Rembau) kepada Inggeris dengan harga 500 ringgit Sepanyol. Syed Syaaban telah merubah cara hidup pembesar Rembau dengan memperkenalkan amalan negatif yang bertentangan dengan nilai dan semangat hidup Adat Perpatih. Nilai-nilai dan semangat baru yang ditanamkan adalah tamak, rasuah dan mata duitan. Akibat perubahan nilai komunalistik kepada individualistik dan materialistik, yang diperkuatkan dengan pengenalan sistem mata wang maka berlaku konflik dalaman dan perang saudara merebut kekayaan dan kekuasaan. Kacau bilau atau anarki ini telah digunakan semaksimanya oleh Inggeris untuk menumbangkan dan memalukan kerajaan Rembau.

Antara peristiwa penting yang membawa kepada kejatuhan kerajaan Rembau itu adalah seperti berikut.

Abad 19

1832 (28 Januari)

Kerajaan Rembau dipaksa memperbaharui perjanjian 30 November 1831 yang tidak sah di Simpang.

1832 (13 September)

Kerajaan Rembau menerima perlantikan Syed Shaaban sebagai Yamtuan Muda Rembau ke-3 atas desakan Raja Ali (Yamtuan Muda Rembau ke-2) iaitu bapa mertua Syed Shaaban.

1833 (September)

Perang Rembau-Linggi kerana perbuatan Syed Shaaban memungut cukai di Sungai Linggi.

1833 (November)

Syed Shaaban cuba membunuh Datuk Lela Maharaja Ngonit. Rumah Datuk Ngonit dibakar.

1843

Perang saudara meletus antara pengikut Datuk Akhir dan Lebai Kulup kerana berebut pusaka penghulu.

1850

Rembau terpaksa mengorbankan sebahagian besar wilayah Rembau Baruh iaitu wilayah **Tampin** demi mengekalkan keutuhannya sebagai sebuah kerajaan merdeka dan bebas dari tekanan kuasa luar (Inggeris). Syed Shaaban dilantik oleh Inggeris sebagai Tunku Besar **Tampin**.

1872-73

Perang saudara antara Haji Mustapa dengan Datuk Perba Haji Sahil kerana berebut pusaka penghulu.

1878-1880

Perang Rembau-Tampin meletus.

1883 (30 Mac)

Datuk Lela Maharaja dipecat Inggeris selepas dibicarakan dalam '*mahkamah kangaroo*' dengan Sir Frederick Weld, Gabenor Negeri-negeri Selat sebagai 'hakim' di Melaka.

1883 (31 Mac)

Serun bin Sidin dilantik oleh Inggeris sebagai penghulu Rembau.

1889 (Disember)

Rembau diturunkan taraf kepada subdaerah di bawah pentadbiran daerah Tampin

1898 (April)

1. Datuk Sedia Raja Serun bin Sidin diisytiharkan oleh Inggeris sebagai Undang Rembau; tidak lagi Penghulu Rembau.

2. Rembau berada di bawah takluk Inggeris secara rasmi.

Daripada lintasan kronologi di atas dapat dilihat mulai tahun 1832 kerajaan Rembau mula menunjukkan kemerosotan kewibawaan; dan akhirnya tunduk sebagai takluk Inggeris. Jerat untuk memerangkap kerajaan Rembau ini dipasang oleh Sir Andrew Clarke pada akhir abad ke-18 yang melibatkan Maharaja Abu Bakar Johor. Perangkap ini telah bingkas dalam tahun 1832 dengan bantuan Syed Shaaban, Raja Ali dan Tunku Putih. Inggeris mengambil masa lebih kurang 51 tahun untuk memusnahkan kerajaan Rembau dengan tipu muslihatnya.

Kejatuhannya hanya mengambil masa lebih kurang 66 tahun. Setelah berjaya, mungkin kerana kedegilannya berbanding dengan negeri-negeri Sungai Ujong, Jelebu dan Johol yang terlebih dahulu tunduk kepada Inggeris, kerajaan Rembau telah dihina dengan hanya memberikan status subdaerah di bawah 'naungan' bekas wilayahnya sendiri iaitu Tampin. Kerajaan Rembau telah sanggup berpisah dan 'menggadaikan' Tampin demi menjaga dan mengekalkan kebebasan dan kedaulatannya.


Alaf Baru

Rembau telah wujud tidak kurang daripada 662 tahun. Untuk selama 500 tahun, Rembau adalah sebuah kerajaan yang bebas dan merdeka, dihormati, disegani malahan ditakuti oleh rakan dan lawan, baik di dalam atau di luar negeri. Kemudian, oleh sebab sikap degil dan keras hatinya, kerajaan Rembau diturunkan ke taraf **subdaerah** untuk tidak kurang daripada 140 tahun. Pada sekitar akhir tahun 1940-an kedudukan Rembau telah diperbaiki sedikit dengan menaikkan statusnya ke taraf daerah.

Setelah 42 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan, Rembau masih hanya sebuah daerah dan terkecil dalam Negeri Sembilan walaupun 600 tahun dahulu, Rembau adalah sebuah kerajaan yang dihormati, disegani dan ditakuti. Malah dalam alaf baru ini, Rembau semakin hilang statusnya walaupun telah bersama mengecap dan menikmati pembangunan dan kemajuan sebagai sebahagian daripada negara merdeka.

Sebagai penutup kata, lihat Peta 5 dalam Lampiran dan: **Cuba cari di mana letaknya Rembau.**

Graf Kenaikan dan Kejatuhan Kerajaan Rembau



Petunjuk

- | | | |
|--------------|--------|---|
| D : Dusun | 1260 : | Kumpulan penghijrah kedua yang agak besar tiba di Rembau. |
| DA : Daerah | 1388 : | Kumpulan penghijrah ketiga yang agak besar datang ke Rembau. |
| K : Kota | | |
| KG : Kampung | 1540 : | Institusi Penghulu (Undang) diwujudkan. |
| M : Mukim | 1646 : | Rembau secara rasmi diakui sebagai pusat pentadbiran, sosial dan budaya Negeri Sembilan dengan nama rasminya: Rembau dan Negerinya yang Sembilan |
| P : Pondok | | |
| T : Teratak | 1721 : | Institusi keadilan puncak perlembagaan Adat Perpatih diwujudkan. |
| | 1745 : | Kehadiran Raja Adil seorang Bugis sebagai Raja Rembau atas desakan kerajaan Johor-Riau. |
| | 1850 : | Tampin dikeluarkan dari wilayah Rembau. Syed Shaaban dilantik menjadi Tunku Besar Tampin oleh Inggeris. |
| | 1889 : | Rembau diberi taraf subdaerah sahaja. |

Tempat dan Tinggalan Sejarah

Sebagai sebuah kerajaan yang berwibawa, berdaulat, disegani serta dihormati, Rembau mempunyai banyak tempat, bangunan dan kesan sejarah. Berikut ini disenaraikan 49 antara puluhan tinggalan sejarah itu (untuk lokasi lihat Peta 6). Penyenaraian ini adalah berdasarkan abjad, diikuti sedapat mungkin dengan huraian mengikut kronologi peristiwa sejarah yang berkaitan dengan tinggalan atau kesan tersebut; tetapi tidak secara kronologi peristiwa sejarah kerajaan Rembau.

Bangunan

1. Masjid Selemak

Bangunan masjid asal ini telah banyak kali diubah suai; dan kini tidak digunakan lagi sebagai tempat sembahyang oleh penduduk setempat.



Masjid Selemak yang digunakan hari ini. Bangunan masjid asal terletak di bahagian belakang sebelah kiri masjid ini.

- Masjid asal mungkin didirikan pada sekitar awal tahun 1520-an.
- Pakatan Perikatan Lembaga Nan Lima atau dikenali juga sebagai Berlima Ke Hulu dan Pakan Ikatan Bersembilan Suku Ke Hilir atau Bersembilan Ke Hilir telah diisytiharkan di masjid ini kira-kira tahun 1525/6.

2. Rumah Datuk Abdullah

- Rumah kediaman rasmi Datuk Sedia Raja Abdullah bin Dahan Undang Rembau ke-18 yang memerintah antara tahun 1922 hingga 1938. Datuk Abdullah adalah salah seorang daripada pengasas pasukan Asykar Melayu (kini Diraja).
- Beliau telah cuba membawa pembaharuan dalam pentadbiran adat di Rembau. Salah satu daripadanya adalah mendirikan pejabat (balai) Undang Rembau, yang kekal sehingga hari ini.
- Beliau juga Undang yang pertama memperkenalkan sistem fail dalam pentadbiran adat di Negeri Sembilan.
- Di rumah ini beliau pernah menjemur Residen British Negeri Sembilan untuk selama lebih kurang satu jam.
- Beliau pernah ke negeri Jepun dan bertemu empat mata dengan Maharaja Jepun.

3. Rumah Datuk Akhir

- Rumah ini ialah rumah telapak Datuk Sedia Raja Akhir, Penghulu (sekarang Undang) Rembau ke-14 yang memerintah di antara tahun 1843 hingga 1872.



Rumah telapak Datuk Sedia Raja Akhir, Undang Rembau ke-14 (1843-1872) di Pulau Hanyut.

- Rumah ini dipercayai dibina pada sekitar tahun 1844 dan dianggap sebagai rumah yang tertua di Rembau dan mungkin di Negeri Sembilan.

4. Rumah Datuk Haji Ipap

- Rumah kediaman (balai) rasmi Datuk Lela Maharaja Haji Ipap bin Abdullah, Undang Rembau ke-19 yang memerintah di antara tahun 1938 hingga 1962.
- Beliau adalah salah seorang penandatangan Pengisytiharan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957.
- Semasa menandatangani Pengisytiharan itu, Datuk Haji Ipap pada mulanya enggan menurunkan tandatangan kerana Pengisytiharan itu ditulis dalam bahasa Inggeris. Kononnya beliau tidak tahu membaca Inggeris. Beliau hanya menurunkan tanda tangan selepas diberikan penerangan terperinci tentang isi kandungan Pengisytiharan itu.

5. Rumah Datuk Haji Sahil

- Rumah kediaman (balai) rasmi Datuk Lela Maharaja Haji Sahil, Penghulu Rembau ke-15 yang memerintah di antara tahun 1872 hingga 1883.
- Rumah ini sering dikunjungi Maharaja Abu Bakar Johor.
- Datuk Haji Sahil ialah penyandang pusaka Penghulu Rembau terakhir. Selepas beliau, gelaran Penghulu ditukar menjadi Undang hingga hari ini.
- Datuk Haji Sahil telah dituduh oleh kerajaan Inggeris sebagai telah menyalahgunakan kuasa dan beliau dibicarakan di Melaka dalam satu Mahkamah Kangaroo buatan Inggeris dengan Gabenor negeri-Negeri Selat, Sir Fredrick Weld sebagai hakim. Data sejarah menunjukkan bahawa Datuk Haji Sahil sangat dibenci oleh Weld kerana menghalang hajatnya untuk menakluk Rembau secara halus.
- Keputusan Mahkamah Kangaroo tersebut ialah Datuk Haji Sahil dipecat dan dibuang ke Singapura dengan elaun hidup sebanyak \$70.00.

6. Rumah Datuk Haji Sulung

- Di rumah ini Datuk Lela Maharaja Haji Sulung bin Miah, Undang Rembau ke-17 dan ke-2 di bawah pentadbiran Inggeris, memerintah di antara tahun 1905 hingga 1922, dilahirkan.



Rumah telapak Datuk Lela Maharaja Haji Sulung, Undang Rembau ke-17 (1905-1922). Di bawah rumah ini terdapat beberapa laras meriam. Rumah ini yang terletak di Kampung Seberang, Gadong dalam keadaan tidak terurus sekarang dan memerlukan perhatian daripada pihak-pihak tertentu.

7. Rumah Datuk Serun

- Rumah ini ialah rumah kediaman rasmi (balai) Datuk Sedia Raja Haji Serun bin Sidin. Datuk Haji Serun dilantik di Melaka selepas Datuk Lela Maharaja Haji Sahil dipecat. Perlantikan tersebut, walaupun dibuat oleh semua Datuk Lembaga tetapi mereka berada dalam kurungan dan diawasi dengan pegawai bersenjata

Kediaman rasmi Datuk Sedia Raja Haji Serun, Undang Rembau ke-16 (1883-1905): Datuk Haji Serun dilantik sebagai Penghulu Rembau oleh Inggeris di Melaka selepas Penghulu Haji Sahil dipecat. Keadaan rumah ini menyedihkan; hanya tiang serinya yang masih utuh.



oleh Inggeris. Sebelum 'perlantikan' itu Inggeris, khususnya Sir Fredrick Weld Gobenor Negeri-negeri Selat telah pun menunjukkan siapa yang harus 'dilantik'. Beliau merupakan Penghulu Rembau ke-16 dan Penghulu pertama di bawah pentadbiran Inggeris memerintah di antara tahun 1883 hingga 1905.

8. Surau Batu

Surau Batu: Surau yang tinggal terbiar ini terletak di hadapan rumah telapak Datuk Lela Maharaja Haji Sulong, Kampung Seberang, Gadong. Bangunan bersejarah ini kini berada dalam keadaan yang menyedihkan.



- Surau ini telah dibina pada sekitar tahun 1790-an.
- Dalam tahun 1801/2 di surau ini Datuk Lela Maharaja Kosil (1795-1812) telah mengisytiharkan penubuhan *Ikatan Suku Yang Lima* atau *Berlima Di Sebelah Baruh*.
- Di surau ini juga, pada masa yang sama Datuk Lela Maharaja Kosil mengiktiraf kewujudan ikatan *Berempat Suku Di Baruh* dan *Berlima Bersembilan Suku Di Darat* dalam struktur pentadbiran kerajaan Rembau.

Bekas/Kesan Sejarah

9. Benteng perang Haji Mustapa

- Benteng ini merentangi sepanjang Kampung Gadong Baruh. Benteng ini dibina oleh Haji Mustapha dan digunakan dalam peperangan antara beliau dengan Haji Sahil (Chengkau) untuk merebut jawatan penghulu pada sekitar tahun 1872-73.

10. Bukit Keluat

- Bukit Keluat telah diberikan kepada Maharaja Abu Bakar Johor oleh Datuk Lela Maharaja Haji Sahil Undang Rembau ke-15. Maharaja Abu Bakar telah membina istana hinggap beliau pada sekitar tahun 1820. Istana ini telah digunakan oleh Maharaja Abu Bakar dalam rangka kunjungan beliau ke luak Rembau sehingga akhir tahun 1830-an. Tujuan beliau ke Rembau adalah untuk mempengaruhi Datuk Haji Sahil supaya tunduk semula ke bawah naungan kerajaan Johor dan Inggeris.

11. Bukit Tiga

- Sebelum tahun 1883 Bukit Tiga ini terletak atas sempadan Rembau-Linggi. Bukit Tiga merupakan salah satu tempat untuk kedua-dua kerajaan memungut cukai lalu lintas dagangan dari Sungai Ujong ke Melaka atau sebaliknya. Akibatnya beberapa pertempuran telah berlaku antara kerajaan Rembau dan kerajaan Linggi.
- Antara tahun 1852 hingga 1854 Lebai Kulup seorang anak watan Rembau dan salah seorang calon menjawat pusaka penghulu dalam tahun 1843, yang digelar Inggeris sebagai *Raja Perompak di Simpang* menjalankan aktiviti mencukai di sini.
- Dalam tahun 1854 pos cukai itu diserahkan kepada Syed Ahmad (Syed Abdul Rahman) dari Sungai Ujong yang kemudian menjadi Datuk Kelana.
- Dalam tahun 1872, Datuk Perba Haji Sahil (kemudian dalam tahun 1873 dilantik menjadi Penghulu Rembau ke-15) juga turut mendirikan pos cukai yang dipertahankan oleh 500 orang pengikutnya yang bersenjata lengkap.

12. Danau Sisik Emas

- Danau ini juga terkenal dengan nama Pedano Emas.
- Pada suatu masa dahulu dipercayai terdapat ikan yang berkilauan sisiknya seperti emas di dalam danau ini.
- Di danau inilah setiap Undang Rembau yang baru dilantik mengadakan keramaian dengan tujuan merapatkan hubungan

antara rakyat dengan pemerintah. Keramaian yang paling besar dan terakhir diadakan adalah pada masa perlantikan Datuk Lela Maharaja Haji Ipap Undang Rembau ke-19 pada tahun 1938.

13. Istana Ijok

- Istana ini telah dibina oleh Tunku Besar Raja Bujang pada sekitar tahun 1623. Baginda juga telah meninggal dunia di istana ini pada tahun 1645.
- Istana ini juga dijadikan tempat perlindungan oleh Raja Melewar apabila baginda kalah perang melawan Raja Khatib dalam tahun 1723. Beliau telah tinggal di istana ini sehingga tahun 1726.

14. Kota Pedas (atau Kuala Pedas)

- Kota ini merupakan benteng mengutip cukai daripada kapal yang hilir mudik di antara Kuala Linggi dan Rembau. Di samping pos mengutip cukai kota ini digunakan sebagai kubu pertahanan Rembau menentang tentera Portugis dan Belanda pada abad ke-16 dan ke-17.
- Di antara tahun 1721/2 hingga 1723 menjadi tempat kediaman sementara Raja Melewar.



Kota Pedas: Kota yang dibangunkan di persimpangan Sungai Rembau dan Sungai Pedas.

- Raja Melewar telah menganugerahkan gelaran Datuk Andulika Maharaja kepada seorang pembesar kerajaan Sungai Ujong semasa berada di sini.

15. Kuala Penajuh (Linggi)

- Pintu masuk peneroka Sumatera ke Rembau dan Naning sejak abad ke-12 hingga abad ke-17.
- Pada zaman pemerintahan kerajaan Melayu Melaka tempat ini merupakan pasar utara kerajaan Melayu Melaka.
- Sebelum abad ke-17, kawasan ini terletak di bawah pentadbiran kerajaan Rembau (lihat Lampiran 1).
- Pada tahun 1514 Portugis mendirikan kubu di atas bukit di kawasan ini. Bukit ini dikenali juga sebagai Bukit Sepoi dan Fort Filipina (zaman Belanda).
- Tempat ini ada tercatat dalam peta d'Eredia yang dilukis dalam tahun 1613. Nama Penajuh dalam peta itu dicatatkan sebagai *Panagim*.
- Mulai tahun 1700 kawasan ini dijadikan petempatan oleh putera-putera Bugis dan pengikut mereka.
- 1 Januari 1758, satu perjanjian antara kerajaan Rembau, Linggi dan Kelang dengan Belanda ditandatangani di Fort Filipina. Kerajaan Rembau hanya diwakili oleh Raja Adil.
- Pada sekitar tahun 1830-an nama Penajuh atau Penagim telah ditukar kepada Linggi oleh Kerajaan Inggeris.

16. Pengkalan Atap/Shahbandar

- Pengkalan ini adalah di bawah kuasa Datuk Shahbandar Rembau.
- Pengkalan ini ialah pusat perdagangan di antara bahagian pendalaman Rembau dengan pedagang dari Melaka.
- Dari pangkalan ini terdapat sebatang jalan darat yang menghubunginya dengan Rasah, kawasan lombong bijih timah di Sungai Ujong.
- Pada Februari 1795 di pangkalan ini berlabuh tujuh buah kapal perang Johor di bawah pimpinan Seri Bija Wangsa, panglima perang Johor dalam misi menyerang Bugis di Kuala Linggi.

- Dalam tahun 1860-61 Datuk Sedia Raja Akhir Penghulu Rembau ke-14 telah menyerahkan kuat kuasa mencukai di pangkalan ini kepada Haji Musa.

17. Tebing Tinggi

- Tempat ini tempat menjalankan hukuman sula bagi kerajaan Melayu Rembau.
- Orang terakhir dikenakan hukum bunuh di sini ialah Laksamana Budin pada pertengahan tahun 1883. Laksamana Budin didapati bersalah atas tuduhan menderhaka kepada kerajaan Rembau oleh jemaah keadilan Penghulu dan Pembesar kerajaan Rembau. Laksamana Budin didapati bersubahat dengan musuh kerajaan Rembau iaitu Tunku Besar Tampin dalam Perang Rembau-Tampin pada Januari hingga Februari 1878 dan Inggeris.

Kampung

18. Kampung Bandar

- Kampung ini dibuka oleh sekumpulan orang Bugis generasi kedua dari Riau dalam tahun 1775. Kumpulan ini diketuai oleh Datuk Awaluddin dan Tuk Serilah (perempuan). Dalam tahun 1783 mereka telah pindah kepetempatan baru iaitu Kampung Linggi dan sekitarnya.
- Raja Adil bin Raja Asil, Yamtuan Muda Rembau telah membina sebuah istana di kawasan ini pada sekitar tahun 1778-79. Istana ini kemudian diambil alih oleh Raja Ali bin Raja Aman apabila beliau merampas kuasa Yamtuan Muda dalam tahun 1795.
- Pada 21 Oktober 1832 Ibberson, Gabenor Negeri-negeri Selat telah sampai ke kampung ini kerana mengadakan kunjung hormat kepada Raja Ali.

19. Kampung Bukit

- Tempat berlakunya peperangan antara Raja Melewar dengan Raja Khatib dalam tahun 1723.
- Dalam peperangan ini Raja Melewar telah kalah dan berundur ke Sepri dan tinggal di istana Ijok sehingga tahun 1726.

20. Kampung Chembong

- Syed Shaaban bin Syed Ibrahim al Kadri, Yamtuan Muda Rembau ke-3 dilahirkan di kampung ini.
- Dalam abad ke-16 dan 17 kampung ini menghasilkan sirih, jernang dan kapur barus yang dieksport ke Melaka.

21. Kampung Chengkau

- Di kampung ini terletaknya balai kediaman Datuk Lela Maharaja Uban, Penghulu Rembau ke-5 (1645-1660).
- Pada tahun 1647 Meydert Clinkert, ejen pemungut Belanda datang menuntut hutang daripada kerajaan Rembau. Kerajaan Rembau telah membayar:

81 keping plat perak tulen
79 biji butang kecil mas bertatah berlian
38 butang emas
2 topi tua
2 pasang celana kuda
270 gantang beras
22 1/2 rial wang tunai

- Utusan Johor meminang anak gadis Orang Kaya Kecil, Seri Banun.

22. Kampung Istana Raja

- Kampung ini dibuka pada akhir abad ke-17.
- Kampung ini menjadi tempat kediaman atau istana Raja Melewar semasa berada di Rembau di antara tahun 1722/23 hingga 1728/29.

23. Kampung Kendung

- Pernah menjadi tempat melaksanakan hukuman bunuh atas pesalah yang menderhaka kepada kerajaan Rembau.
- Oktober 1887 menjadi pusat pentadbiran daerah bagi Rembau.

24. Kampung Kota Lama

- Asalnya merupakan sebahagian daripada hutan Gombira atau Gombirah.
- 1502:
 - a) Hutan gombira diteroka oleh Batin Pak Nilu (ipar Batin Sekudai) dan diberi nama Kampung Gombira.
 - b) Pokok merbau ditebang dengan bantuan Batin Ceba (ayah Batin Pak Nilu dan mertua Batin Sekudai) dari Rasah. Batin Ceba meninggal dunia dan dikebumikan di sini.
 - c) Nama Rembau ditukar dari Perabu kepada **Merbau Tua**.
- 1504:
 - a) Datuk Leteh dan Tuk Bungkal binti Batin Sekudai pindah ke sini dari Kampung Lada.
 - b) Tuk Bungkal menukar nama kampung ini kepada Kampung Kotor.
- 1515/16
 - a) Datuk Lela Balang dan orang-orangnya sampai ke Kampung Kotor melalui Johor.
 - b) Datuk Lela Balang berkahwin dengan Tuk Bungkal.
- 1516/1
 - a) Si Rama (Penghulu Rembau Pertama) dilahirkan.
- 1540
 - a) Si Rama dikerjankan sebagai Penghulu Rembau.
 - b) Si Rama berkahwin dengan Siti Hawa binti Datuk Laut Dalam.

25. Kampung Lada

- Nama asal kampung ini ialah Kampung Kebun Lada.
- 1500
 - a) Kampung ini dibuka untuk dijadikan kawasan menanam (kebun) lada. Hasil lada dieksport ke Melaka.
- 1501
 - a) Datuk Leteh dan anak angkatnya Tuk Bungkal binti Batin Sekudai pindah ke kampung ini dari Kampung Relong, dan dijadikan pusat pentadbiran wilayah Perabu (Nama Rembau pada ketika itu).
- 1888
 - a) Menjadi Pejabat Daerah Rembau.

26. Kampung Lubuk China (*lihat juga* Pangkalan Atap/Shahbandar)

- Tempat tinggal Tun Zainal Abidin bin Bendahara Seri Maharaja Tun Perak. Pada masa tinggal di kampung ini beliau bergelar Datuk Lubuk China dan berada di kampung ini di antara tahun 1498 hingga 1500.
- Zaman keagungan kerajaan Melayu Rembau, kawasan ini menjadi pusat perdagangan dan tempat memungut cukai.

27. Kampung Merbok

- Salah sebuah kampung tertua dalam sejarah Rembau.
- Pada zaman Orang Asli kampung ini bernama Merbok Kerawang

28. Kampung Nerasau

- Kampung kediaman Datuk Lela Maharaja Haji Sahil Penghulu Rembau ke-15 (1872-1883).
- Maharaja Abu Bakar Johor mulai tahun 1877 telah berkunjung ke kampung ini untuk menemui Datuk Haji Sahil. Oleh sebab baginda sering datang, Datuk Haji Sahil dan orang Rembau telah mendirikan sebuah istana hinggap di Bukit Keluat.
- 31 Mac 1877 satu perjanjian antara Rembau dan British ditandatangani di Balai Kediaman Datuk Haji Sahil.
- 1878 Datuk Haji Sahil mengisytiharkan bahawa Tampin masih menjadi sebahagian daripada kerajaan Rembau. Akibat pengisytiharan ini meletus Perang Rembau-Tampin (1878-1881).
- 18-20 Disember 1882 D. Hervey, Residen Kaunselor British di Melaka tinggal di Balai Kediaman Datuk Haji Sahil kerana menyiasat tentang '*salah tadbir*' Datuk Haji Sahil. Data-data yang diperolehi berdasarkan nilai dan pandangan barat digunakan untuk mengheret Datuk Haji Sahil ke Mahkamah Kangaroo Inggeris dan memecat beliau dalam tahun 1883.
- Februari 1883 Laksamana Budin dibicarakan di Balai Kediaman Datuk Haji Sahil atas tuduhan menderhaka iaitu "*Pantang Penghulu*" kepada kerajaan Rembau kerana bersubahat dengan musuh kerajaan Rembau (Tampin dan Inggeris). Laksamana Budin telah dijatuhkan hukuman bunuh.

29. Kampung Padang Lekok

- Kampung ini dibuka pada sekitar tahun 1516-17 oleh Datuk Laut Dalam dan rombongannya dari Sumatera.
- Siti Hawa binti Datuk Laut Dalam bakal isteri Si Rama, Penghulu Rembau pertama dilahirkan di kampung ini pada sekitar tahun 1524-25.

30. Kampung Paya

- Nama asal kampung ini ialah Kampung Paya Merbau. Kampung ini adalah sebahagian daripada kawasan hutan Gombira (Gombirah).
- Kampung ini dibuka oleh Batin Cepa kira-kira tahun 1502/3.

31. Kampung Pedas (Darat)

- Sekitar tahun 1740-an hingga tahun 1778 kampung ini menjadi tempat tinggal Raja Adil semasa beliau berada di Rembau. Pada masa tiada di Rembau beliau berada di rumah isteri pertamanya di Tampin.
- Julai 1756 Daing Kemboja telah datang ke kampung ini dari Kampung Pedas Hilir (tempat tinggal sementara selepas kalah perang di Kuala Linggi) bertemu Raja Adil.
- November 1757 hingga tahun 1761 Daing Kemboja dan keluarganya telah membuat kediaman di kampung ini.
- 1761 jenazah Tunku Raja Dibaroh Johor yang meninggal dunia di Selangor di bawa ke kampung ini sebelum diiringi ke Riau oleh putera-putera Bugis.

32. Kampung Pedas Hilir

- 1756 Daing Kemboja menjadikan kampung ini tempat perlindungan sementara selepas diusir oleh Yang Dipertuan Kecil Terengganu dan Daing Tumik dari Kuala Linggi.
- Julai hingga November 1757 sekali lagi Daing Kemboja membawa keluarganya untuk menetap sementara di kampung ini sebelum pindah ke Kampung Pedas Darat.

33. Kampung Penajis

- Nama asal kampung ini Kampung Penajuh mengikut nama penerokanya iaitu Datuk Najuh.
- Kampung ini ialah tempat empat orang Yamtuan Besar ditabalkan: Raja Melewar (1721/22), Raja Hitam (1795), Raja Lenggang Laut (1808) dan Raja Labu atau Yamtuan Sati (1826).

34. Kampung Perah

- Kampung ini dibuka oleh pengikut Datuk Lela Balang pada sekitar tahun 1516.
- Nama kampung ini mengikut nama pokok perah [*Elateriospermum tapos*] yang banyak tumbuh di kawasan ini pada masa diteroka.

35. Kampung Relong

- Petempatan Orang Asli suku Jakun di bawah pimpinan Batin Sekudai.
- Pada sekitar tahun 1490-an, Datuk Leteh, pembesar Sumatera pertama dari Siak (generasi kedua penghijrah Minangkabau) berhijrah ke Rembau membuat kediaman di kampung ini.
- Pada tahun 1497 Tuk Bungkal binti Batin Sekudai dilahirkan di kampung ini dan dijadikan anak angkat oleh Datuk Leteh.

36. Kampung Sawah Raja

- Nama asal kampung ini ialah Kampung Sawar Raja. Kampung ini ialah tempat raja mengutip cukai.

37. Kampung Simpang

- Kawasan ini telah dibuka oleh Raja Aman @ Daing Alampaki, ayah Raja Ali, Yamtuan Muda Rembau, pada sekitar tahun 1774. Sekitar tahun 1780-an beliau telah dihalau keluar oleh Belanda atas permintaan Datuk Kelana Leha, Penghulu Sungai Ujong.
- Raja Ali dan Syed Shaaban menguasai kawasan ini mulai tahun 1830. Raja Ali mempunyai sebuah rumah di kawasan ini yang

dibinanya pada sekitar tahun 1830-an. Rumah Raja Ali ini berupa satu benteng pertahanan. Rumah itu dibina di lidah tanah yang menganjur keluar ke dalam sungai. Di belakang rumah Raja Ali ialah rumah Raja Korun, saudara dekat Raja Ali.

- 28 Januari 1832 pembesar-pembesar Rembau dan Inggeris berkumpul di kawasan ini untuk menandatangani perjanjian (membaharui perjanjian November 1831 yang tidak sah) persahabatan atas inisiatif Syed Shaaban dan Raja Ali. Pada masa yang sama Raja Ali telah diberi hadiah selaras senapang *Joe Manton* atas jasanya 'memaksa' Datuk Lela Maharaja Ngonit, Penghulu Rembau ke-13 (1819-1843) membuat perjanjian dengan Inggeris dan Syed Shaaban pula diberi gelaran 'Panglima Besar' kerana sudi menerima rasuah sebanyak 500 ringgit Sepanyol menjual perang Naning kepada kerajaan Inggeris.
- 23 Januari 1833 Syed Shaaban mula menjalankan aktiviti mencukai lalu lintas perdagangan Sungai Linggi di kawasan ini.
- Pada tahun 1836 Raja Ali telah diusir keluar dari kawasan ini.
- 1842 Lebai Kulup (salah seorang calon Penghulu Rembau dalam tahun 1843) telah membuka semula kawasan ini dan mendirikan pos memungut cukai di kawasan ini. Walaupun menerima tentangan daripada pelbagai pihak beliau berjaya mempertahankan dan mengekalkan kedudukannya di sini sehingga beliau meninggal dunia dalam tahun 1859.
- 27 September 1877 Datuk Lela Maharaja Haji Sahil membuat perjanjian menyerahkan kawasan ini kepada Inggeris.

38. Kampung Sungai Layang

- Kampung ini adalah salah sebuah kampung yang paling awal dibuka oleh pendatang Sumatera di bahagian Rembau Darat dan orang yang bertanggungjawab membuka kampung ini ialah Datuk Laut.
- Ada sumber sejarah (Jackson, 1961) menyatakan di kampung ini berjalan aktiviti 'melombong' bijih timah. Hasil timah ini di-eksport ke Melaka.

39.- Kampung Tanjung

- Di kampung ini terletak balai kediaman Datuk Sedia Raja Ambo bin Datuk Lela Maharaja Si Rama, Penghulu Rembau ke-2 (1555-1606).
- Pada tahun 1586 utusan Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Riayat Shah, Sultan Johor (1570-57) telah datang menemui Datuk Ambo meminta bantuan menyerang Portugis di Melaka.
- Pada tahun 1586 utusan d'Azambuja pemerintah Portugis di Melaka datang menemui Datuk Ambo.

40. Kampung Tengah

- Balai Kediaman Datuk Sedia Raja Pandak, Penghulu Rembau ke-4 (1620-1645) terletak di kampung ini.
- Dalam bulan Februari 1642 Shahbandar Belanda di Melaka, Jan Janz Menie berkunjung ke balai kediaman Datuk Ambo menuntut supaya orang Portugis yang dijadikan hamba oleh orang Rembau serta barang rampasan perang lainnya dikembalikan kepada pihak Belanda. Tuntutan ini tidak dilayan oleh Datuk Ambo.
- 5 Februari 1644 Kapten Forsenburg dan Shahbandar Menie berserta enam orang soldadu Belanda tiba di sini. Pergaduhan telah berlaku di balai kediaman penghulu dan semua orang Belanda yang datang telah dibunuh.

41. Kampung Ulu Penajis, Sepri

- Kampung ini dibuka oleh Tunku Besar Raja Bujang pada tahun 1622.
- Pada sekitar tahun 1622-23 Tunku Besar Raja Bujang membina sebuah istana di kampung ini. Istana itu dikenali sebagai Istana Ijok kerana sebahagian besar bahan yang digunakan adalah daripada ijok.
- Tunku Besar Raja Bujang meninggal dunia di Istana Ijok pada tahun 1645.

Lubuk / Jeram

42. Lubuk Talan

- Tempat yang dianggap keramat.
- Lubuk ini ialah tempat 'membuka' adat berpuar bagi mukim Tanjung Keling di samping menjadi tempat rekreasi bagi penduduk tempatan.
- Setelah Datuk Lela Maharaja Ipap melarang mengadakan adat berpuar mulai tahun 1952 tempat ini hanya menjadi tempat rekreasi bagi penduduk tempatan.
- Lubuk ini juga digunakan untuk merayakan perayaan mandi safar.

43. Lubuk Rusa

- Perkampungan ini telah diteroka oleh Datuk Putih pada sekitar tahun 1520-an.
- 1728/29 kawasan ini menjadi salah satu tempat perhentian Raja Melewar dalam perjalanan ke Seri Menanti selepas dibuang negeri oleh Datuk Sedia Raja Sabat, Penghulu Rembau ke-8 (1725-1750).
- Semasa berehat di kawasan ini rombongan Raja Melewar telah diserang oleh orang Rembau dan Raja Melewar bersama pengikutnya berundur ke kawasan bukit Miku.

44. Jeram Asah Batu

- Raja Melewar telah singgah di jeram ini dalam perjalanan dari Rembau ke Seri Menanti dalam tahun 1728/29. Ketika itu beliau dalam pelarian setelah diusir oleh Datuk Sedia Raja Sabat, Penghulu Rembau ke-8 (1725-1750).
- Semasa berhenti di jeram ini beliau telah mengasah senjatanya di batu yang terletak di tengah jeram. Sebelum sampai ke jeram ini Raja Melewar dan pengikutnya telah berperang dengan orang Rembau di kawasan Lubuk Rusa-Selemak.
- Setiap Penghulu (Undang) Rembau yang baru dilantik, semasa berjalan kaki ke Seri Menanti untuk memperkenalkan diri di syaratkan berhenti dan mengasah senjata di jeram ini.

Makam**45. Keramat Engku Putih**

- Makam Tunku Putih binti Raja Hitam (Yamtuan Besar II). Beliau ialah ibu kepada Raja Ali bin Raja Aman @ Daing Alampaki, Yamtuan Muda Rembau ke-II.

46. Makam Tuk Budi

- Tuk Budi atau Datuk Budi adalah salah seorang pembesar dari Sumatera yang mula membuka kawasan di bahagian Rembau Darat.
- Datuk Budi telah membuka Kampung Batu Hampar pada sekitar tahun 1520-an.

47. Makam Tuk Najuh

- Datuk Najuh ialah pembesar yang membuka Kampung Penajuh iaitu Penajis sekarang.
- Nama Kampung Penajuh (Penajis) adalah mengambil sempena nama Datuk Najuh, pengasas kampung ini.
- Kubur ini dianggap keramat. Dipercayai Yamtuan Besar, apabila lalu di tepi kubur ini baginda tidak boleh mengembangkan payung. Seandainya dilanggar larangan ini kecelakaan akan menimpa diri baginda.

48. Makam Tuk Putih

- Tuk Putih atau Datuk Putih dikenali juga dengan nama Datuk Putih Kepala atau Datuk Laut.
- Beliau adalah salah seorang pembesar dari Sumatera yang mula-mula membuka Rembau Darat.
- Beliau telah membuka Kampung Lubuk Rusa-Selemak pada sekitar tahun 1520-an.

49. Makam Tunku Bujang

- Beliau ialah pembesar yang membuka kawasan Ulu Penajih, Sepri dalam tahun 1622.
- Beliau telah mendirikan sebuah istana yang terkenal dengan nama Istana Ijok.
- Beliau meninggal dunia pada tahun 1645.

BIBLIOGRAFI


- Baharon Azhar Faffie'e. *Parit Gong: An Orang Asli Community in Transition*. Tesis doktor falsafah, Cambridge: King's College. 1974.
- Begbie, P.J. *The Malayan Peninsula*. Madras: Vepery Mission Press. 1834. cet. semula. Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1967.
- Cave, J. *Naning In Melaka*. Monograph No. 6. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch Royal Asiatic. 1989.
- Cole, Fay-Cooper. *The People of Malaysia*. New York: D.van Bostrand. 1945.
- Chung, Siok-Hwa. 'The Rice Industry of Malaya: A Historical Survey'. *Journal of Malaysia Branch Royal Asiatic Society*. 42(2): 130-144. 1969.
- Jackson, R.N. *Immigrant Labour and the Development of Malaya 1786-1929*. Kuala Lumpur: Government Press. 1961.
- Favre, P.E.L. 'A Journey in the Minangkabau States of the Malay Peninsula'. *Journal of the Indian Archipelago and East Asia*. 3:154-181. 1849.
- Kato, T. *Matriliny and Migration Evolving Minangkabau Traditions in Indonesia*. Ithaca: Cornell University Press.
- Miklucho-Maclay, N.von. 'Ethnological Excursion in Malay Peninsula, November 1874 to October 1875'. *Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society*. 2: 205-221. 1878.
- Marsden, W. *The History of Sumatera*. London: 1811. cet. semula, Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1967.

- Newbold, T.J. 'Sketch of the Four Minangcabowe States in the Interior of Malacca'. dlm. J.M. Moors (ed.). *Notices of Indian Archipelago and Adjacent Countries*. Singapore: 1834. cet. semula. London: Frank Cass. 1968.
- Newbold, T.J. *British Settlements in the Straits of Malacca. Jil. II*. London: John Murray. 1839. cet. semula. Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1971.
- Norhalim Hj. Ibrahim. *Negeri Yang Sembilan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti. 1995.
- Norhalim Hj. Ibrahim. *Sejarah Linggi*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 1998.
- Norhalim Hj. Ibrahim dan Aiani Sudeen. 'Sejarah Bermula dan Berakhirnya Pusaka Batin di Kg. Kelapi - Satu Penemuan Awal'. *Warisan*. 22. hlm. 67-79. 1999.
- Parr, C.W.C dan Mackray, W.H. 'Rembau, One of the Nine States: Its History, Constitution and Customs'. *Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society*. 56:1-157.
- Shamsul Amri Baharuddin, Dr. 'Adat Perpatih mencabar zaman: Suatu ulasan seimbis pandang'. dlm. Samad Idris, Tan Sri A. Norhalim Hj. Ibrahim. dll. (ed.). *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. 1994.
- Wilkinson, R.J. *A Malay-English Dictionary. Part II*. London: Macmillan & Co. Ltd. 1955.
- Wolters, W.O. *The Fall of Srivijaya in Malay History*. Ithaca: Cornell University Press. 1970.
- Yassin. A.F. 'Khoo Kay Kim: Sepatutnya Negeri Sembilan itu Bernama Rembau'. *Utusan Zaman*. 1 September 1996:25.

Penghargaan

Diucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kedua-dua penyumbang gambar-gambar dalam artikel ini, iaitu Tn. Hj. Abdul Aziz bin Hj. Ahmad yang telah menyumbangkan semua gambar melainkan gambar Kota Pedas oleh En. Fuad Hashim (A.F. Yassin)

peta 1: Pola Pergerakan Penghijrah ke Rembau pada Zaman Awal



Petunjuk

Abad 13 (± 1260) Tarikh berlaku penghijrahan dengan anggaran tahun bermulanya pergerakan.



Penghijrahan awal




Penghijrahan generasi pertama



Penghijrahan generasi kedua dan seterusnya (bersifat sementara-kekalkan; dan kekal)

Peta 2 Pola Pergerakan Penghijrah ke Rembau dari Abad ke-13 hingga 16



Petunjuk

Abad 13 (±1260) Tarikh berlaku penghijrahan dengan anggaran tahun bermulanya pergerakan.



Penghijrahan bersifat sementara-kekal



Penghijrahan kekal




Sempadan kerajaan Rembau sebelum abad ke-19



Sempadan daerah Rembau kini



Sempadan negeri



Peta 5:

NEGERI SEMBILAN

(PARLIMEN - 7) (NEGERI - 32)

BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA PARLIMEN DAN NEGERI DI NEGERI SEMBILAN



N.1 Chennah
N.2 Kluwang
N.3 Perlang
N.4 Sungai Lui
N.5 Serling
N.6 Bnhau
N.7 Jeram Padang
N.8 Palong

N.9 Gemas
N.10 Gemencheh
N.11 Repah
N.12 Kota
N.13 Junsseh
N.14 Senaling
N.15 Johol
N.16 Pilah

N.17 Seri Menanti
N.18 Nilai
N.19 Lenggeng
N.20 Senawang
N.21 Ampangan
N.22 Lobak
N.23 Labu
N.24 Temlang

N.25 Rahang
N.26 Mambau
N.27 Rantau
N.28 Chembong
N.29 Linggi
N.30 Pasir Panjang
N.31 Si Rusa
N.32 Lukut

Petunjuk

N. - Negeri

P. - Parlimen

Peta 6: REMBAU: TEMPAT-TEMPAT BERSEJARAH

